

Headline	Disiplin taksonomi penting bangunkan biodiversiti		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	21 May 2020	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	82,252
Page No	12	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	297 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,026
Frequency	Daily	PR Value	RM 15,078



Disiplin taksonomi penting bangunkan biodiversiti

Hari Biodiversiti Sedunia disambut esok. Biodiversiti bukan cerita harimau Malaya, gajah di Semenanjung dan Sabah, orang utan, bunga pakma dan ikon lain. Biodiversiti lebih banyak bercerita mengenai biodiversiti yang tidak diketahui.

Penulis ingin 'melawat' kembali biodiversiti, yang mula menjadi buah mulut sejak 5 Jun 1992. Ketika itu, Persidangan Kemuncak Bumi diadakan dan Konvensyen Kepelbagaian Biologi ditandatangani di Rio de Janeiro, Brazil.

Biodiversiti kerap dirujuk kepada tiga aspek. Pertama, biodiversiti spesies merujuk kepada pelbagai spesies organisma, merangkumi tumbuhan, haiwan, kulat dan mikroorganisma, manakala kedua, biodiversiti genetik merangkumi pelbagai gen yang terdapat dalam pelbagai spesies organisma.

Ketiga, biodiversiti ekosistem merangkumi pelbagai habitat

yang dihuni pelbagai organisma. Malaysia dikelompokkan dalam kumpulan negara yang memiliki biodiversiti sangat tinggi atau dikenali sebagai megadiversiti.

Siapakah yang menganggar atau menentukan kekayaan spesies itu? Jawapannya, ahli taksonomi tumbuhan, haiwan, kulat dan mikroorganisma. Mereka bukan duduk di barisan hadapan, sebaliknya bekerja di belakang tabir tetapi memberi maklumat kepada pembuat dasar.

Apa itu taksonomi? Taksonomi ialah disiplin ilmu sains tulen mengenai penemuan, pemerihalan dan penamaan spesies yang membina pertalian. Antaranya untuk menyediakan suatu sistem pengelasan sama ada pengelasan tumbuhan, pengelasan haiwan atau pengelasan mikroorganisma.

Saya petik dua daripada tiga perkara dalam Artikel 7, Konvensyen Kepelbagaian Biologi, iaitu mengenai pengecaman dan pe-

mentahuan: perkara mengenai pengenaltian komponen kepelbagaian biologi untuk pemuliharaan dan penggunaan lestara serta pemantauan komponen ini melalui pensampelan atau kaedah lain.

Bagi melaksanakan kedua-dua perkara itu, ilmu pengetahuan taksonomi sangat diperlukan. Ia ibarat bahasa untuk berkomunikasi mengenai kepelbagaian biologi atau biodiversiti. Apakah pengecaman dan pemantauan spesies dapat dilaksanakan sekiranya tidak ada pengetahuan taksonomi?

Namun malangnya, kerjaya ahli taksonomi tidak diminati dan di-dekati. Bidang ini tiada nilai ekonomi, sekali gus sama seperti nasib beberapa bidang sains tulen lain. Pelajar sudah tentu memilih kerjaya yang ada nilai ekonomi, khusus bidang gunaan. Meskipun pihak univesiti boleh melatih pelajar, tanpa kerjaya berpotensi, tidak ada yang berminat.

Mengapakah hal ini berlaku? Jawapannya, tiada institusi khusus tempat pembangunan dan penyelidikan dalam disiplin taksonomi. Apa institusi berkenaan? Muzium Sejarah Semula Jadi ialah institusi untuk penyelidikan taksonomi haiwan dan Herbarium Nasional untuk penyelidikan taksonomi tumbuhan.

Apa sahaja namanya, fungsinya tetap untuk pembangunan dan penyelidikan taksonomi organisma Malaysia. Institusi ini ibarat perpustakaan hayat dengan dua fungsi utama. Pertama, penyimpanan spesimen kepelbagaian spesies, manakala kedua, penyelidikan terhadap spesimen berkenaan.

Ada suara menyatakan untuk apa institusi seperti itu? Jawapannya, sama dengan jawapan untuk apa institusi Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dan Arkib Negara? Justeru, institusi berkenaan harus setara dengan institusi sedia ada seperti Institut

Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR).

Terlalu ramai bercakap mengenai biodiversiti khususnya kepentingan dan ancaman terhadapnya. Namun, tiada orang bercakap mengenai taksonomi, iaitu pembangunan dan penyelidikannya untuk memahami biodiversiti. Ada banyak biodiversiti tidak diketahui, yang akan hilang tanpa disedari kerana tiada dokumentasi.

Saya cuba memasyarakatkan pengetahuan biodiversiti secara tidak formal melalui penulisan kreatif seperti novel *Mimpi Sebuah Impian* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan *Kumbang Yang Tercantik* terbitan Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM).

Mohamed Salleh Said,
Subang Jaya